

# PKPP, UMS beri peranan tingkat sahsiah kemahiran kepimpinan pelajar



**CENDERA KENANGAN...Ismail (dua dari kanan) menerima cenderamata kenangan selepas perasmian karnival berlangsung kelmarin.**

NST 17.12.2018

KOTA KINABALU: Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranan dalam meningkatkan sahsiah dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar melalui tawaran kursus-kursus kokurikulum yang berkualiti dan menyeluruh.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata penawaran kursus-kursus adalah relevan dan mengikut kehendak aspirasi pembangunan pelajar yang disasarkan.

"Apa yang ditawarkan adalah selaras dengan perkembangan semasa pelajar yang mana ianya perlu untuk kemahiran profesional dan kemahiran insaniah.

"Gabungan pembelajaran secara integrasi ini diyakini mampu membantu universiti membentuk graduan yang holistik dan berwibawa untuk melangkah alam kerjaya kelak," katanya dalam teks ucapan yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) semasa merasmikan penutupan Karnival Kokurikulum UMS Semester I Sesi 2018/2019 di sini, kelmarin.

Menurutnya, karnival tersebut yang diadakan setiap semester adalah bertujuan bagi memastikan penglibatan para pelajar dalam kursus yang kokurikulum.

Katanya, aktiviti tersebut diyakini mampu membudayakan kehidupan seorang siswa berkualiti yang mampu menempa kejayaan dalam kehidupan kelak.

Sementara itu, pengarah PKPP Dr. Hasnol Noordin pula memberitahu bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti tersebut mampu menambah pengetahuan dan perkembangan positif.

Jelasnya aspek intelek, minat, bakat jasmani rohani dan kepimpinan mampu membawa hasil kejayaan kepada para pelajar.

"Hasil titik peluh pelajar dalam kursus kokurikulum yang ditawarkan adalah satu kejayaan yang dihasilkan oleh usaha mereka sendiri.

"Penguasaan kemahiran dan bakat baru juga adalah mampu menjadi nilai tambah dalam diri pelajar itu sendiri," katanya.

**OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**